



Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Pahang (UMP) Bil. 1/2013 bertarikh 29 Mac 2013 telah meluluskan pelaksanaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) (Pindaan) 2012 yang disiarkan di dalam Warta bertarikh 22 Jun 2012 dan berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2012. Bagi tujuan tersebut, pihak UMP mempelawa calon-calon yang berkelayakan, memenuhi kriteria kecemerlangan akademik, memiliki kebolehan memimpin dan mengurus, mempunyai reputasi yang tinggi dan personaliti yang dihormati untuk memohon jawatan tersebut.

Jawatan	: PENASIHAT UNDANG-UNDANG		
Kumpulan Perkhidmatan	: Pengurusan Tertinggi		
Gred Minimum	: Gred 48 (<i>Pihak UMP berhak menawarkan gred yang lebih tinggi berdasarkan keperluan dan tertakluk kepada keputusan pihak LPU</i>)		
Mata Gaji	: Gaji Minimum	RM 4,963.00 (Gred 48)	
	: Gaji Maksimum	RM 15,900.42 (Gred VK6)	
<i>(Penetapan sebarang gaji, honorarium dan elauan khas pentadbiran atau lain-lain gred yang lebih tinggi bagi tujuan pelantikan adalah tertakluk kepada pindaan dan perubahan oleh pihak LPU berdasarkan kesesuaian dan peraturan yang berkuatkuasa)</i>			
Tempoh Lantikan	: 1 hingga 3 tahun perkhidmatan bagi setiap lantikan tertakluk kepada pihak Lembaga Pengarah Universiti (LPU).		
Status Pelantikan	: Secara Pertukaran Sementara, Pelantikan Pinjaman, Pelantikan Sementara atau Kontrak.		

1.0 KRITERIA UMUM

Telah memegang jawatan sebagai Ketua Jabatan di mana-mana Institusi Pengajian Tinggi Awam atau swasta, badan-badan kerajaan, syarikat-syarikat multinasional, *Government Link Company* (GLC) atau mana-mana syarikat yang terkemuka dan diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

Calon-calon yang berumur 45 - 55 tahun adalah diberi keutamaan.

1. Kecemerlangan Akademik

Mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran (PhD) adalah satu kelebihan. Mendapat “*command of respect*” dari kalangan rakan sejawat. Mempunyai rekod cemerlang dalam pengurusan serta cemerlang dalam khidmat profesional.

2. Kebolehan Memimpin & Mengurus

Mempunyai *people skill* yang boleh menerajui transformasi. Mempunyai gagasan, visi dan misi selaras *core business* Universiti serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kerja cemerlang.

3. Reputasi

Menjadi *role model* kepada semua peringkat staf. Mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik dan dihormati berdasarkan kredibilitinya oleh semua masyarakat kampus, organisasi di mana dia berkhidmat dan masyarakat luar.

4. Kemahiran Komunikasi dan Interpersonal Yang Mantap

Mempunyai kemahiran komunikasi dan interpersonal yang mantap dalam mentadbir pelbagai lapisan masyarakat kampus yang *multicultural*.

5. Personaliti

Seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai semangat dalaman yang kuat untuk memacu kecemerlangan Universiti.

1.1 KRITERIA KHUSUS PENASIHAT UNDANG-UNDANG

1. Pakar dalam aspek undang-undang

Berkemampuan dalam memberikan nasihat yang betul, tepat dan signifikan secara bertulis atau lisan kepada pihak Pengurusan Universiti dan jabatan-jabatan mengenai apa-apa perkara yang berkaitan dengan undang-undang, melaksanakan apa-apa tugas lain yang bersifat undang-undang, yang dari semasa ke semasa dirujukkan atau ditugaskan kepadanya dan menunaikan fungsi yang diberikan kepadanya oleh atau di bawah Perlembagaan ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

Berkepakaran dalam menggubal / meminda undang-undang utama dan subsidiari termasuk peraturan-peraturan yang sedang dan akan diguna pakai oleh pihak Universiti.

Cekap dalam memastikan dan menyemak segala dokumen perjanjian dan dokumen yang ada kesan di sisi undang-undang untuk ditandatangani oleh pihak Universiti

Menjadi perantara yang **bijaksana** bagi pihak Universiti dalam kes-kes sivil atau kes-kes lain yang di bawah bidangkuasa dan kawalan Penasihat Undang-Undang - memfaikkan tindakan bagi pihak Universiti sebagai yang menuntut; dan

Sebagai perantara yang **bijaksana** bagi pihak Universiti dalam kes-kes sivil atau kes-kes lain yang di bawah bidangkuasa dan kawalan Penasihat Undang-Undang – tindakan di mahkamah apabila pihak Universiti dituntut.

2. Pemikiran Strategik

Berkebolehan mengenalpasti, menjangka dan menganalisis isu dan masalah yang berkaitan dengan perundangan serta boleh mengatur strategi penyelesaian yang berkesan.

Berkebolehan melihat situasi dari pelbagai dimensi serta berkeupayaan mengambil tindakan dan membuat keputusan mengikut keutamaan, berpandangan jauh dan melihat isu dari perspektif yang luas dan menyeluruh.

3. Kepimpinan Berteraskan Nilai & Etika

Memiliki dan mempraktikkan nilai dan etika yang tinggi dalam setiap tindakan serta menggalakkan prinsip ketulusan, keadilan, integriti dan profesionalisme dalam pengurusan organisasi secara keseluruhan.

Menegakkan prinsip-prinsip kepimpinan yang baik termasuk bersikap anti rasuah, berdisiplin tinggi dan sentiasa mempamerkan komitmen yang tinggi.

Membina dan mengalakkan persekitaran kerja yang sihat dan selamat serta bebas daripada ganguan diskriminasi.

- | | |
|-----------------|---|
| Cara Permohonan | : Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian (<i>Online</i>) dengan mengisi maklumat pemohon di laman web rasmi UMP iaitu http://www.ump.edu.my . Calon dikehendaki mencetak Surat Pengesahan Permohonan secara atas talian (<i>Online</i>) (Selepas selesai mengisi butiran permohonan melalui web rasmi UMP). Permohonan yang tidak dibuat secara atas talian (<i>Online</i>) melalui laman web rasmi UMP tidak akan dilayan. |
|-----------------|---|

Sila nyatakan jawatan yang dimohon di penjuru kiri muka hadapan sampul surat.

Alamat Permohonan : Permohonan yang lengkap berserta dengan salinan-salinan sijil akademik dan lain-lain dokumen berkaitan dihantar kepada :

NAIB CANSELOR
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG,
LEBUHRAYA TUN RAZAK,
26300 GAMBANG, KUANTAN,
PAHANG DARUL MAKMUR

Tarikh Tutup Permohonan : **31 Oktober 2014 (Jumaat)**
Atas Talian (*Online*)

Tarikh Akhir Penerimaan : **7 November 2014 (Jumaat)**
Dokumen Permohonan

Am : Pihak Universiti boleh mencalonkan mana-mana calon yang dirasakan sesuai untuk pertimbangan Jawatankuasa Pemilih. Selain pencalonan daripada pihak universiti, mana-mana calon yang merasakan mereka layak dan ingin menyumbang kepada universiti boleh menawarkan diri mereka sebagai calon. Proses pemilihan akan dilakukan secara terbuka.

Hanya permohonan yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga.

Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan daripada tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

Pemohon yang pernah membuat permohonan pada iklan-iklan yang lalu dinasihatkan mengemukakan semula permohonan jika masih berminat dan layak.